



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

9 Mac 2019

---

#### KEJADIAN BAU BAHAN KIMIA YANG KUAT DI JALAN CERMAI 13, TAMAN KOTA MASAI, PASIR GUDANG

---

**9 Mac 2019, Pasir Gudang** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih menyiasat bagi mengenalpasti pelaku yang telah menyebabkan bau bahan kimia yang kuat di kawasan penempatan penduduk Taman Kota Masai dan Taman Pasir Putih pada 7 Mac 2019. Dalam masa yang sama orang ramai dinasihatkan untuk berwaspada seperti memakai topeng hidung pada setiap masa sehingga keadaan pulih seperti sedia kala.

JAS kini meneruskan pemantauan berterusan terhadap tahap bacaan bahan kimia di sekitar kawasan terjejas sehinggalah kawasan tersebut didapati selamat dan tidak mengancam kesihatan penduduk dan murid-murid di sekolah berhampiran. JAS telah mengambil sampel yang disyaki buangan terjadual tersebut di lokasi Sungai Kim Kim dan telah dihantar ke Jabatan Kimia Negeri Johor untuk analisa lanjut dan keputusan ke atas sampel berkenaan akan dikemukakan oleh Jabatan Kimia Negeri Johor dalam masa terdekat.

Pihak HAZMAT mendapati punca bau tersebut datang dari kawasan Sungai Kim Kim berhampiran tapak projek pembinaan jambatan yang menghubungkan Taman Pasir Putih ke Taman Kota Masai.

Pihak HAZMAT juga mengesyaki terdapat kesan buangan yang disyaki buangan terjadual ke dalam sungai tersebut dan mengalir ke bahagian hilir dan melalui kawasan Taman Perumahan Taman Pasir Putih dan kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih.

Memandangkan tahap bau yang kuat dan seterusnya mengakibatkan murid-murid mengalami muntah-muntah dan pengsan, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mengambi tindakan untuk membuat proses “pengungsian” di sekitar kawasan kejadian yang membabitkan 1,400 pelajar dan guru dari kedua-dua sekolah terbabit.

Kerja pembersihan telah dijalankan di kawasan punca buangan tersebut ditemui dan disusuli dengan pembersihan di kawasan tebing sungai dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi pembersihan sisa yang disyaki buangan terjadual yang masih melekat di tebing-tebing sungai dan yang masih terapung di permukaan air kerana dikhuatiri akan menyebabkan masalah bau akan berlanjutan serta menyebabkan rasa kurang senang di kalangan penduduk sekitar.

Siasatan awal JAS mengesyaki buangan tersebut merupakan buangan terjadual yang dibuang secara haram ke Sungai Kim Kim dan merupakan kesalahan yang serius di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. JAS akan menjalankan penguatkuasaan di sekitar kawasan Perindustrian Pasir Gudang terutamanya ke atas industri-industri yang disyaki membuang sisa tersebut. Tindakan undang-undang yang tegas juga akan diambil ke atas mereka yang didapati bersalah.

Bagi menangani perkara ini, pemantauan bersepadu di antara JAS dan semua agensi berkaitan akan dijalankan secara berterusan ke atas kilang-kilang atau pun apa-apa kemudahan yang terlibat dengan pembuangan tersebut.

Kes disiasat di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan jika sabit kesalahan akan didenda sehingga RM500,000 dan penjara tidak melebihi 5 tahun. Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan boleh berhubung dengan JAS di talian 1800 88 2727.

- Tamat -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Sharudin Rosli

Pegawai Perhubungan Awam

Jabatan Alam Sekitar

Tel: 012-3023864

Atau

Akmal Tujad

Pegawai Perhubungan Awam Kanan

Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

Tel: 012-9075372